

01 MAR 1999

Mahkamah-Anwar (Internet)

MOHTAR BERITAHU MAHKAMAH MENGENAI KETERANGAN DALAM INTERNET

KUALA LUMPUR, 1 Mac (Bernama) -- Peguam Negara Tan Sri Mohtar Abdullah hari ini memberitahu mahkamah bahawa sementara media utama tempatan mematuhi perintah Mahkamah Tinggi melarang sebahagian keterangan disiarkan, ia disiarkan di Internet dan media yang lain.

Mohtar berkata sebagai contoh, pada 24 Feb sebuah artikel dipaparkan di Internet yang menceritakan mengenai "perkara yang sudah dilarang disiarkan oleh Hakim Datuk S. Augustine Paul di mahkamah."

Mohtar kemudiannya menyerahkan salinan artikel itu kepada mahkamah.

Apabila Mohtar berkata, "ia pasti datang daripada lingkungan empat dinding ini", Paul menjawab; "Sudah pasti bukan daripada saya," menyebabkan hadirin ketawa.

Paul kemudiannya menasihatkan Mohtar supaya menyiasat bagaimana keterangan yang didengar di mahkamah boleh muncul di Internet dan peguam negara itu memberitahu mahkamah bahawa pihak pendakwaan sudah melihat perkara itu secara serius.

Pada peringkat ini peguam bela Anwar, Gurbachan Singh memberi jaminan kepada mahkamah bahawa pasukan pembelaan tidak kena-mengena dengan pengedaran keterangan yang sudah dilarang disiarkan oleh mahkamah.

Mohtar memberitahu mahkamah mengenai artikel di Internet itu pada perbicaraan hari ke-62 kes rasuah membabitkan bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Anwar, 51, menghadapi empat tuduhan rasuah kerana menyalahgunakan kedudukannya sebagai timbalan perdana menteri dan menteri kewangan untuk campur tangan dalam penyiasatan polis mengenai dakwaan salahlaku seks terhadapnya.

Dia didakwa mengikut Seksyen 2 (1) Ordinan Darurat No. 22 (Kuasa-kuasa Perlu) 1970 yang membawa hukuman maksimum penjara 14 tahun atau denda RM20,000 atau kedua-duanya.

Dalam keterangannya kepada mahkamah, wartawan Bernama E.Sivabalan, berkata berdasarkan kepada sidang media yang diberikan oleh Perdana Menteri pada 24 Ogos, 1997, beliau menulis sebuah artikel yang membebaskan Anwar daripada tuduhan-tuduhan itu.

Apabila Gurbachan mahu mengemukakan artikel Sivabalan, Mohtar berkata pendakwaan tidak menghalangnya tetapi beliau mahu menarik perhatian mahkamah bahawa tiga suku daripadanya (artikel itu) mempunyai kaitan dengan perintah mahkamah sebelum ini mengenai keterangan "dengar cakap".

Mohtar kemudian mengambil peluang itu untuk memberitahu mahkamah mengenai artikel yang disiarkan melalui Internet.

Sebelum itu, Sivabalan yang berkhidmat dengan Bernama sejak 1991, memberitahu mahkamah bahawa dia hadir pada persidangan berita oleh Perdana Menteri semasa Dr Mahathir melancarkan pembabitkan Petronas dalam perlumbaan 300km di sirkit perlumbaan Batu Tiga Shah Alam.

Menurutnya, sebahagian daripada sidang berita itu berkenaan tuduhan-tuduhan terhadap Datuk Seri Anwar Ibrahim dan beliau merekodnya dalam buku nota dan dalam pita rakaman.

Ditanya sama ada beliau masih menyimpan buku nota dan pita rakaman mengenai sidang media itu, Sivabalan berkata dia membuang buku nota itu dan menggunakan semula pita rakam untuk sidang berita lain, seperti yang biasa dilakukannya.

Sivabalan, saksi pembelaan keempat memberitahu mahkamah artikel itu ditulis pada hari yang sama dengan sidang berita itu dan mengesahkan bahawa

apa yang dilaporkannya adalah betul seperti apa yang disebut oleh Perdana Menteri.

Menurutnya artikel atau berita yang ditulisnya kemudian disebar kepada para pelanggan tetapi mengakui bahawa NST menggunakan berita yang dilaporkan oleh wakilnya sendiri, Ashraf Abdullah yang turut hadir pada sidang berita berkenaan.

Semasa soal balas oleh timbalan kanan pendakwa raya Datuk Abdul Gani Patail, apabila diminta membandingkan artikelnya dengan artikel Ashraf, Sivabalan bersetuju bahawa petikan-petikannya tidak sama.

Dalam pemeriksaan semula oleh Gurbachan, Sivabalan berkata petikannya dalam artikel itu betul kerana ia berdasarkan buku nota dan pita rakaman dan dia menyemak sebanyak dua kali.

Sivabalan yang menafikan dia menambah atau memotong petikan-petikan oleh Perdana Menteri dalam beritanya memberitahu mahkamah selain petikan-petikan, pada keseluruhannya tiada perbezaan besar antara berita yang ditulisnya dengan berita Ashraf.

Dalam keterangannya, Ashraf yang merupakan saksi pembelaan keenam berkata beritanya dan berita Sivabalan sama walaupun ada petikan yang berbeza.

"Kadangkala, sesetengah perkataan dibuang kerana masalah ketiadaan ruang tetapi ia tidak mengubah maksudnya," katanya.

Ketika ditanya mengenai berita itu, katanya, "saya rasa petikan-petikan dalam laporan saya adalah tepat," dan hakim mencelah "Sivabalan berkata laporannya tepat", yang membuat mereka yang berada dalam mahkamah ketawa.

Semasa soal balas oleh Abdul Gani, Ashraf berkata Perdana Menteri membuat kenyataan spontan sebagai menjawab pertanyaan oleh wartawan dan artikelnya adalah berdasarkan soalan dan jawapan semasa sidang berita itu yang berkaitan dengan pertuduhan-pertuduhan.

Wakil NST Klang, Sa'odah Elias memberi keterangan bahawa dia menulis artikel bertajuk "Sex Allegations: Anwar Won't Pursue the Matter" selepas menghadiri sidang berita yang dibuat oleh Anwar di Shah Alam dan laporan itu tepat seperti yang dikatakan oleh Anwar.

Ketika disoal oleh Abdul Gani, Sa'odah berkata berita itu ditulisnya tetapi tajuk berita ditetntukan oleh penyunting.

Sebelum Sivabalan memberi keterangan, mahkamah mendengar keterangan bekas setiausaha sulit Anwar di Kementerian Kewangan, Mohamed Ahmad yang memberitahu mahkamah bahawa dia diperkenalkan kepada Azizan Abu Bakar oleh bekas ADC Anwar, ASP Zull Aznam Haron pada Jun 1998.

Azizan adalah bekas pemandu isteri Anwar, Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail, dan telah mendakwa Anwar meliwatnya dalam kenyataan bersumpah yang disertakan bersama surat yang ditulis oleh Ummi Hafilda Ali, "Perihal Salah Laku Timbalan Perdana Menteri" yang dihantar kepada Perdana Menteri.

Ditanya apakah keadaan yang menyebabkan perkenalan itu berlaku, Mohamed berkata Zull Aznam telah menelefon pejabatnya dan memaklumkan bahawa Azizan mahu menemuinya mengenai satu cadangan perniagaan.

Katanya ketika mereka bertemu di pejabat Kementerian Kewangan, Azizan memberitahunya bahawa dia datang ke situ sebagai mewakili pengarah syarikat, Datuk Taufik Yap Abdullah untuk memohon kontrak dengan TNB.

Mohamed berkata Azizan juga memberitahunya bahawa dia mahu menemui Anwar bersabit perkara itu tetapi memadangkan Anwar enggan berbuat demikian, Azizan dirujuk kepadanya.

Mohamed berkata Azizan memberitahunya bahawa Anwar tidak memberikan sebarang sebab mengapa dia enggan menemui Azizan selain perkataan "dengan keadaan semasa itu dan bagi mengelakkan tohmahan," yang tidak dijelaskan oleh Anwar.

Katanya pada mesyuarat itu, Azizan menyerahkan kertas yang mengandungi keterangan mengenai permohonannya mendapatkan kontrak dan memintanya

(Mohamed) memanjangkannya kepada Anwar bagi membolehkannya mendapat kontrak itu.

"Selepas itu Yang Arif, saya memaklumkan (kepada Azizan) bahawa mengenai isu kontrak adalah sukar untuk dibantu kerana ia harus mengikut proses-proses yang ada dan tidak ada 'short cut' kepada prosedur pemberian kontrak," katanya.

Mohamed berkata dia melihat Azizan kecewa sedikit dengan maklumat itu tetapi Azizan masih mahukan Mohamed memberitahu Anwar mengenainya.

Kepada soalan lain, Mohamed berkata dia ditahan dua kali sejak Anwar dipecat daripada jawatannya pada September 1998, dan pada peringkat ini, Abdul Gani membantah atas alasan bahawa penahanan itu tidak berkaitan dengan kes yang berjalan.

Mohtar kemudian menerangkan kepada mahkamah bahawa Mohamed ditahan berkaitan kes rasuah dan kes penculikan dan Gurbachan memohon maaf kepada mahkamah kerana membangkitkan perkara yang tidak relevan itu dalam perbicaraan ini.

Saksi terakhir sesi pagi ialah pemandu Anwar, Abdullah Sani yang bertugas dengan bekas TPM sejak 1983 dan kini masih berkhidmat sebagai pemandu keluarga itu.

Dia memberitahu mahkamah bahawa dia mengenali Azizan selepas dia (Azizan) mula bekerja sebagai pemandu kepada Azizah dan anak-anaknya tetapi, katanya, dia tidak pernah nampak Azizan membawa Anwar bersendirian.

Abdullah berkata apabila Azizan menghubunginya pada Jun 1998 dan memberitahunya bahawa dia mempunyai masalah dan mahu berjumpa Anwar, jadi saya nasihatkan Azizan menghubungi Zull Aznam.

Katanya dia kemudian memberitahu Zull Aznam mengenai permintaan Azizan untuk berjumpa Anwar dan selepas itu dia tidak mengetahui sama ada Azizan berjumpa Anwar di kediaman rasminya.

Semasa soal balas oleh Timbalan Kanan Pendakwa Raya Azahar Mohamed, Abdullah bersetuju bahawa semasa dia bercuti, dia digantikan oleh seseorang daripada Kementerian Kewangan.

-- BERNAMA
SBB NHD LAT